

Prestasi universiti kurang memuaskan

BH - 17/5/2004 : 1, 2

► DARI MUKA 1

pentadbir di kementerian atau pejabat pendidikan," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, cadangan pewujudan jawatan itu pada peringkat perbincangan dengan JPA.

Beliau akan meminta JPA memberi perhatian khusus kerana jabatan itu kini di bawah Jabatan Perdana Menteri.

"Tibalah masanya bekas Menteri Pelajaran ini membantu menyelesaikannya dan menghasilkan kerja ini sebagai satu kenyataan," katanya.

Abdullah berkata, jawatan guru super dengan bidang kuasa lebih daripada guru besar akan diwujudkan di sekolah yang ramai murid dan guru.

Selain memberi latihan kepada guru pelatih dan menjadi guru contoh, guru super mengepalai semua guru serta menjadi ketua guru besar dan mampu meningkatkan tahap

pembelajaran di sekolah.

Beliau bagaimanapun melahirkan rasa tidak puas hati terhadap prestasi universiti tempatan yang tidak pun tergolong dalam senarai 50 universiti terbaik di Asia dan mahu supaya ia ditingkatkan lagi.

Bagi memastikan matlamat itu tercapai, semua peringkat pendidikan dari sekolah rendah hingga ke universiti perlu meningkatkan lagi usaha apatah lagi dalam usaha mengejar matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang 2020.

"Kita mahu jadi negara maju, negara industri dan negara maju di segi sains dan teknologi. Kita mahu sumber tenaga manusia kelas pertama supaya kita dapat membuat perubahan untuk melonjak ke depan dalam apa juga bidang yang kita usahakan.

"Kita mesti mampu tingkatkan nilai tambah sama ada kepada perkhidmatan, produk yang kita hasil dan kita

semua mesti tunjuk keupayaan untuk menambah lagi kemajuan negara," katanya.

Perdana Menteri juga mahu masalah jenayah di sekolah di banteras sepenuhnya walaupun bilangan pelajar terbabit agak kecil, seperti mana usaha kerajaan untuk membasmi masalah kemiskinan.

Katanya, tingkah laku yang berhubung kait dengan jenayah di sekolah perlu dibasmi seperti pembasmian kemiskinan.

Beliau berkata, walaupun kadar jenayah di sekolah masih rendah berbanding jumlah pelajar, usaha membasminya tidak boleh dilakukan sambil lewa.

"Masalah ini tidak boleh dipandang remeh walaupun kegiatan jenayah kecil iaitu kira-kira 2.1 peratus berbanding kira-kira empat juta pelajar.

"Aktiviti dan tingkah laku berkaitan jenayah di sekolah mesti dipastikan agar (sehingga) tidak ada," katanya.